



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
الجامعة الإسلامية سelangor
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

(UIS)

DENGAN

INSTITUT DIROSAT ISLAMIYAH AL-AMIEN

PRENDUAN SUMENEP

(IDIA PRENDUAN)

2 NOVEMBER 2023

Memorandum Persefahaman ini diperbuat pada 2 November 2023, (selepas ini dirujuk sebagai “Memorandum Persefahaman”).

ANTARA

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR, (selepas ini dirujuk sebagai “UIS”) sebuah universiti swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) dan mempunyai alamat di Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor dan termasuk wakil sah dan penerimahaknya yang sah, bagi pihak pertama;

DAN

INSTITUT DIROSAT ISLAMIYAH AL-AMIEN PRENDUAN SUMENEP, INDONESIA, (selepas ini dirujuk sebagai “IDIA PRENDUAN”) sebuah universiti yang menguruskan fungsi pendidikan dan pengajaran, penelitian dan pengabdian kepada masyarakat dengan pendekatan profesional, bagi pihak kedua.

UIS dan IDIA PRENDUAN selepas ini dirujuk sebagai “Pihak” secara berasingan dan “Pihak-pihak” secara bersama.

BAHAWASANYA:-

- A. UIS merupakan sebuah institusi pendidikan swasta yang sentiasa berusaha untuk memperkasakan dan memperkuat keupayaannya di dalam bidang akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat dan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi melengkapkan kecemerlangan pengajiannya dan telah memasuki pelbagai perancangan kerjasama dengan pihak-pihak yang lain bagi memperkasakan kecemerlangan itu;
- B. UIS melalui Fakulti Pengajian Peradaban Islam dan IDIA PRENDUAN berhasrat berkerjasama dalam bidang latihan, pendidikan, penyelidikan, promosi dan pembelajaran dan pengajaran.
- C. Pihak-pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini bagi menyatakan niat masing-masing dan bagi mengadakan suatu asas bagi kerjasama antara pihak-pihak berdasarkan kepada terma-terma yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini.

PIHAK-PIHAK TELAH MENCAPAI PERSEFAHAMAN BERIKUT:-

ARTIKEL 1

OBJEKTIF

Pihak-pihak, tertakluk kepada terma-terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, peraturan dan polisi nasional yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, akan berusaha untuk memperkuat dan memperkembangkan lagi kerjasama atas asas suci hati, ekuiti dan manfaat bersama.

ARTIKEL 2

BIDANG KERJASAMA

- 2.1. Setiap pihak tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan polisi nasional yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa, akan berusaha mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menggalakkan kerjasama dalam:
- (a) Mempromosikan pengajian di UIS di peringkat asasi dan siswazah dalam usaha meningkatkan jumlah pelajar yang menyambung pengajian di UIS dalam pelbagai bidang;
 - (b) Memperkasakan akademik pelajar dan pengalaman pengajaran staf akademik di IDIA PRENDUAN melalui program-program pengajian bersifat akademik;
 - (c) Menggalakkan kerjasama dalam program penyelidikan, penerbitan modul, bengkel-bengkel, kursus-kursus jangka pendek; dan
 - (d) Dalam apa-apa bidang lain yang akan dipersetujui kelak oleh kedua pihak.

ARTIKEL 3

PERKIRAAN KEWANGAN

- 3.1. Memorandum Persefahaman ini tidak akan menimbulkan apa-apa tanggungjawab kewangan oleh suatu pihak kepada pihak yang lain.
- 3.2. Setiap pihak akan menanggung kosnya dan perbelanjaannya sendiri berkaitan dengan Memorandum Persefahaman ini.
- 3.3. Pihak-Pihak bersetuju bahawa jika ada penglibatan apa-apa tanggungjawab kewangan oleh mana-mana pihak Memorandum Persefahaman ini, satu kontrak atau perjanjian berasingan akan dimeterai.

ARTIKEL 4

KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Memorandum Persefahaman ini hanyalah bertujuan untuk merekodkan niat pihak-pihak dan tidak menjadikannya, atau dihasratkan untuk menjadikannya, suatu tanggungjawab di bawah undang-undang dan tidak akan menyebabkan apa-apa proses perundangan timbul daripadanya dan tidak boleh dianggap sama ada secara tersurat atau tersirat sebagai menjadikan apa-apa tanggungjawab sebagai mengikat atau boleh dikuatkuasakan.

ARTIKEL 5

TIADA AGENSI

Tiada apa-apa yang terkandung di dalam Memorandum Persefahaman ini boleh ditafsirkan sebagai suatu usahasama, rakan kongsi atau suatu urusan perniagaan formal antara pihak-pihak atau sebagai menjadikan suatu pihak sebagai agen kepada pihak yang satu lagi.

ARTIKEL 6

KUATKUASA DAN TEMPOH

- 6.1. Memorandum Persefahaman ini adalah sah bagi tempoh Lima (5) tahun dan akan berkuatkuasa dari tarikh (2 November 2023) sehingga tarikh (1 November 2028)
- 6.2. Memorandum Persefahaman ini boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh dan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh pihak-pihak.
- 6.3. Walau apa-apapun peruntukan di perenggan 6.1 di atas, Memorandum Persefahaman ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi Enam Puluh (60) hari notis bertulis kepada pihak yang satu lagi sebelum tarikh tamat Memorandum Persefahaman ini. Penamatan hendaklah tanpa apa-apa penalti atau kos.

ARTIKEL 7

NOTIS

Apa-apa komunikasi di bawah Memorandum Persefahaman ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam Bahasa Kebangsaan atau Inggeris dan dihantar secara surat berdaftar, atau secara elektronik ke alamat atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili UIS atau serahan tangan, mengikut mana yang berkenaan, yang dinyatakan di bawah atau di mana-mana alamat atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili lain seperti diberitahukan oleh satu pihak kepada pihak yang satu lagi, dan dianggap telah sempurna penyampaian sekiranya dihantar ke alamat atau alamat mel elektronik, atau alamat mel elektronik atau nombor faksimili itu:-

Kepada UIS : Fakulti Pengajian Peradaban Islam
 Universiti Islam Selangor
 Bandar Seri Putra
 43000 Kajang Selangor Darul Ehsan
 (u/p: Dekan)
 Tel. No : +603-8911 7000
 Faksimili : +603-8926 8462
 E-mel : mdnoor@kuis.edu.my

Kepada
IDIA PRENDUAN : Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan
 Sumenep

VMP3+XPJ, Desa, Dunglaok, Pragaan Laok, Kec.
Pragaan, Kabupaten Sumenep, Jawa Timur 69465,
Indonesia

Tel: +62 085-3361-33133
Email: kampusidia@gmail.com